

JOURNEY WITH LBS

7 Tip untuk melaksanakan
Azam Tahun Baru anda

Senarai untuk perkara
yang boleh dilakukan dan
tidak boleh dilakukan
untuk sambutan Tahun
Baru Cina 2023





HQ

Plaza Seri Setia, Level 1 – 4
No.1 Jalan SS9/2
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 7877 7333
F: +603 7877 7111

MITC SDN BHD

No. L3-22 Plaza Seri Setia
No.1 Jalan SS9/2
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 7877 7333
F: +603 7861 8077

MGB BERHAD

H-G, Sunway PJ @ 51A
Jalan SS9A/19, Seksyen 51A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia
T: +603 7874 5888
F: +603 7874 5889

CREDIT ADMINISTRATION

No. L3A-21, Plaza Seri Setia
No.1 Jalan SS9/2
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 7861 6000
F: +603 7861 6001/6002

IPOH

No.17 Medan Ipoh 1A
Medan Ipoh Bistari
31400 Ipoh
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
T: +605 255 8820
F: +605 548 61377




ALAMAT PERNIAGAAN

CAMERON HIGHLANDS

B3-31-G Brinchang Square
Jalan Besar Brinchang
39100 Cameron Highlands
Pahang Darul Makmur, Malaysia
T: +605 491 5018
F: +605 491 5020

BATU PAHAT

No. 27-29, Jalan Putera Indah 12/1
Bandar Putera Indah
Tongkang Pechah
83000 Batu Pahat
Johor Darul Takzim, Malaysia
T: +607 445 8899
F: +607 445 8888



PEJABAT & GALERI JUALAN



ZON TENGAH

D' ISLAND RESIDENCE

No.3 Jalan Timur 9
D' Island Residence
47130 Puchong
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

BANDAR SAUJANA PUTRA

No. 2 & 6 Jalan SPU 1
Bandar Saujana Putra
42610 Jenjarom, Kuala Langat
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

BUKIT JALIL

E13, Pusat Bandar Bukit Jalil
Jalan Jalil Utama 2
57000 Kuala Lumpur, Malaysia
T: 1700 81 8998

ZENOPY RESIDENCES

A-1-13a Zenopy Residences
Jalan LP 7/4
Taman Lestari Perdana
43300 Puncak Jalil
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

LBS SKYLAKE RESIDENCE

No.3 Jalan Timur 9
D' Island Residence
47130 Puchong
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

LBS ALAM PERDANA

Persiaran Alam Perdana
42300 Bandar Puncak Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

KITA @ CYBERSOUTH SALES GALLERY

Cybersouth
43800 Dengkil Selangor
Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

PRESTIGE RESIDENCE

Jalan LP 7/4
Taman Lestari Perdana
Bandar Putra Permai
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: 1700 81 8998

ZON UTARA

BRINCHANG SQUARE

B3-31-G, Brinchang Square
Jalan Besar Brinchang
39100 Cameron Highlands
Pahang Darul Makmur, Malaysia
T: +605 491 5018
F: +605 491 5020
HP: +6012 206 7334
+6012 209 7334
+6012 217 1334



TAMAN KINDING FLORA

Changkat Kinding
31250 Mukim Hulu Kinta
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
T: 1700 81 8998

ZON SELATAN

BATU PAHAT

No. 27-29, Jalan Putera Indah 12/1
Bandar Putera Indah
Tongkang Pechah
83000 Batu Pahat
Johor Darul Takzim, Malaysia
T: +605 445 8899
F: +605 445 8888





ISI KANDUNGAN

- 05** | Bagaimana untuk menjadikan tahun ini merupakan tahun terbaik anda
 - 09** | 7 Tip untuk laksanakan Azam Tahun Baru anda
 - 13** | Kempen LBS Fabulous Extra 2022-23
 - 15** | Pemakanan sihat untuk matlamat kecergasan 2023
 - 19** | Senarai untuk perkara yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan untuk sambutan Tahun Baru Cina 2023
 - 23** | Promosi Makanan Scapes Hotel Genting Highlands
 - 25** | Kelestarian dalam Kehidupan
 - 29** | Prestige Residence
 - 31** | Idaman Melur
 - 33** | Acara LBS dan LBS Foundation
 - 35** | LBS Tan Sri Association Events
- 

Derutusan daripada Pengerusi Eksekutif

Selamat datang 2023! Pertama sekali izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru DAN Selamat Tahun Baru China kepada semua keluarga LBS, dari pemegang saham sehingga ke pemilik rumah. Ketika kita mengucapkan selamat tinggal kepada Harimau hebat Hu-Hu, kita mengalu-alukan kedatangan Arnab, Tu-Tu yang produktif dan membawa kemakmuran.

Terima kasih di atas galakan dan sokongan anda, kami akan meneruskan usaha untuk mencurahkan bakti serta memberi yang terbaik kepada negara dengan menyediakan kediaman impian rakyat Malaysia yang mampu dimiliki oleh segenap lapisan masyarakat. Dengan pembangunan di lokasi-lokasi terpilih di samping penawaran harga yang kompetitif, LBS telah berjaya berkembang pesat di landasan yang kukuh, hasil dari usaha dan kerja keras semua kakitangan yang tidak jemu-jemu menyumbang kepada syarikat.

Benar, setiap perniagaan pasti berhadapan dengan cabaran seperti masalah kekurangan tenaga kerja, kenaikan harga barang, dan pemulihan ekonomi kesan dari fasa endemik yang berterusan menjadi kekangan industri. Namun, di sebalik cabaran ini, kami berupaya untuk mencatat keputusan yang memberangsangkan melebihi tahun 2021. Oleh itu, dengan mengambil kira kejayaan ini, kami optimis dengan strategi dan langkah-langkah yang bakal diambil pada tahun 2023. Kami juga merancang untuk menambahbaik setiap aspek operasi syarikat dan seterusnya menabur bakti kepada negara, para pemegang saham dan pemilik-pemilik rumah.

Dengan sukacitanya kami juga ingin mengumumkan bahawa lebih banyak lagi rumah mampu milik akan dibina menerusi kolaborasi dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi memenuhi permintaan kediaman untuk rakyat Malaysia. Antara tiga kawasan yang akan diberi fokus utama bagi membangunkan rumah mampu milik termasuk Lembah Klang, Pahang dan Batu Pahat. Nantikan pelancaran projek perumahan ini!

Untuk menjadikan 2023 lebih menarik, kami telah menyenaraikan kempen-kempen dengan tawaran menarik bagi pembeli rumah berpotensi. Kempen LBS Fabulous Extra 2022-23 kembali lagi dengan lebih banyak hadiah menarik sehingga RM1.5 juta sebagai ganjaran bagi pemilik rumah LBS. Inilah masa yang terbaik untuk anda memiliki rumah-rumah LBS.

Sebagai penutup, saya sekali lagi ingin mengucapkan semoga tahun 2023 akan membawa kemakmuran, kebahagiaan dan untuk bakal pemilik rumah, semoga kenangan dan memori yang indah bakal tercipta untuk anda sekeluarga.

Tan Sri Lim Hock San

Pengerusi Eksekutif LBS Bina Group



Bagaimana untuk menjadikan tahun ini merupakan tahun terbaik anda

Hidup tidak selalu mudah. Setiap daripada kita akan menghadapi cabaran dan ada yang terpaksa menghadapi cabaran yang lebih berbanding yang lain. Oleh itu Tahun Baru kali ini, kita boleh cuba untuk aturkan kembali kehidupan dan fikiran kita agar dapat memastikan tahun ini menjadi tahun yang terbaik. Jika kita memberi sepenuh perhatian untuk tahun ini, sudah pasti tahun yang akan datang bakal menjadi lebih baik.

Daripada kita melakukan perkara yang menjadi kebiasaan seperti ucapan tentang cara untuk fokus pada perkara yang kita mahukan dan "berusaha untuk mendapatkannya", berkongsi kata-kata "positif" palsu.

Berikut adalah lima (5) cara untuk menjadikan tahun ini merupakan tahun terbaik anda.

01 Kita tidak akan pernah dapat mengawal segala-galanya

Setiap daripada kita mempunyai keupayaan yang terhad dalam pelbagai sudut. Memahami dan menerima keupayaan diri akan membantu untuk menetapkan asas yang realistik terhadap perancangan yang ingin dilakukan pada tahun ini.

Tidak kira apa yang kita ingin fikirkan, kita TIDAK dalam kawalan sepenuhnya. Jika begitu, dengan mudahnya kita semua boleh menjadi jutawan kerana SEMUA rancangan kita akan berjaya. Tetapi hakikatnya, sebaik rancangan yang kita ada, begitu juga perkara di luar kawalan kita turut berlaku. Sebahagian daripadanya termasuk fenomena di seluruh dunia seperti wabak, kemelesetan ekonomi dan sebagainya, peperangan dan kekurangan bekalan makanan.

Oleh itu, belajarlah untuk menerima dengan hati terbuka bahawa kita tidak mampu untuk menguasai sepenuhnya. Penerimaan terhadap perkara ini akan membolehkan kita menjadi lebih berdaya tahan dan praktikal dengan cita-cita dan matlamat kita.



02 Kawal apa yang kita boleh kawal

Namun begitu, kita perlu melihat dari sudut lain di mana ada juga perkara yang kita dapat mengawal dengan baik. Tanya diri anda, apakah perkara yang anda mempunyai kawalan sepenuhnya? Dan adakah anda melakukannya dengan baik? Langkah asas ini dapat membantu untuk mengurangkan tekanan dan kebimbangan, kerana anda akan tahu apa yang sebenarnya anda boleh kawal dan apa yang anda tidak boleh kawal.

Matlamatnya adalah untuk tidak terlalu risau dengan perkara yang anda tidak boleh kawal. Jika ia sememangnya sesuatu yang anda tidak dapat kawal, maka biarkan ia pergi. Sebagai contoh, seluruh dunia bimbang tentang ekonomi, akan tetapi bolehkah kita mengawal perang di Ukraine, atau wabak yang menjejaskan ekonomi dunia? Jawapannya, tidak. Tetapi apa yang boleh kita kawal adalah dengan menghadkan perbelanjaan

kita, membuat simpanan yang lebih banyak, dan mungkin juga melabur dalam perkara yang stabil.

Ramai yang bimbang tentang kesihatan mereka, tetapi mereka tidak melakukan apa-apa untuk menanganinya. Mereka makan makanan tidak sihat yang sama, minum minuman bergula, duduk dan menonton TV sepanjang hari dan tidak pernah bersenam. Ini akan membawa kepada masalah kesihatan. Terbukti melalui banyak kajian bahawa yang sihat dan cergas hidup lebih lama dan bebas penyakit berbanding mereka yang tidak sihat dan tidak cergas.

Ubah apa yang anda boleh ubah, dan untuk perkara yang anda tidak dapat mengawalinya, berhenti untuk terus berfikir tentangnya kerana anda sama sekali tidak akan dapat untuk mengawalinya. Oleh itu, kawal sepenuhnya perkara yang boleh anda kawal.

03 Mempunyai rancangan yang boleh diusahakan

Jadikan ia rancangan terbaik yang pernah anda ada. TETAPI sentiasa ingat untuk memastikan ianya adalah cukup realistik untuk dicapai. Apabila Daniel Craig mula mengambil alih sebagai James Bond, terdapat satu adegan di mana dia bangkit keluar dari lautan dengan kekuatan otot badannya. Saya berfikir di dalam hati, "hei, saya mahu badan seperti itu juga." Jelas sekali, saya tidak menyedari jenis senaman dan makanan yang diperlukan untuk memperoleh badan seperti itu. Dan saya juga tidak dibayar untuk kelihatan sehebat itu, disediakan jurulatih peribadi, memberikan nutrisi yang saya perlukan... kerana saya mempunyai pekerjaan tetap 9-5.

Ingat, jika anda mahu rancangan itu berjalan dengan baik, anda perlu melaksanakan rancangan itu. Oleh itu, kuncinya adalah untuk pastikan ia merupakan sesuatu yang boleh anda capai secara realistik.

Pelan perlu mempunyai item yang boleh diambil tindakan untuk membantu anda

mencapainya. Tidak ada gunanya mengatakan saya mahu menjimatkan RM100,000 pada 2023 apabila tidak ada perkara yang boleh diambil tindakan. Sebagai contoh, kita boleh...

A) Simpan 50% daripada gaji

B) Jangan beli apa-apa hanya yang berjenama, cari alternatif yang lebih murah

C) Jangan beli kopi daripada francais kopi besar

D) Makan di gerai makan atau masak di rumah selama 6 hari dan cuti 1 hari untuk merawat diri pada hujung minggu

E) Mempunyai bilangan pakaian yang tetap untuk semua majlis biasa dan jangan beli lagi sehingga ia lusuh atau tidak sesuai dengan anda, jangan beli mengikut trend atau fesyen

Lima perkara di atas akan membantu anda untuk menjimatkan wang, dan ia masih mampu untuk dicapai dengan baik. Secara umumnya, semua orang boleh melakukannya.

04 **Utamakan kesihatan anda**

Orang yang sihat dengan sedikit wang di dalam bank jauh lebih kaya daripada seorang jutawan yang terperangkap di hospital dengan tiub dan wayar untuk memastikan kelangsungan hidup. Walaubagaimanapun seperti yang setiap daripada kita tahu, kebanyakan perkara yang penting dan baik sangat menitikberatkan aspek disiplin. Terdapat tiga elemen asas untuk mendapatkan kesihatan yang baik.

A) Output, atau senaman

Cara terbaik untuk mencapainya adalah untuk mencari senaman yang anda benar-benar suka untuk melakukannya, kemudian ia menjadi sesuatu yang anda gembira untuk melakukannya dan tidak merasakan ia sebagai satu tugas untuk dilakukan. Jika anda perlu bangun awal pada pukul 5 pagi, lakukannya. Bagi mereka yang memerlukan motivasi, anda memerlukan jurulatih peribadi, sekaligus menambah perbelanjaan, atau kaedah yang lebih murah ialah mencari sekumpulan orang yang mempunyai matlamat yang sama dan melakukannya bersama-sama.

B) Input atau apa yang kita letak dalam badan kita

Makanan dan minuman memainkan peranan yang sangat penting dalam kesihatan kita. Hentikan makanan bergoreng, minuman bergula, makanan segera dan snek segera (kerepek dan snek dalam beg), makanan diproses, dsb. Banyakkan sumber makanan berasaskan sayur-sayuran dan kurangkan daging merah, nasi dan mee serta elakkan alkohol dan berhenti merokok. Minum air sebagai ganti minuman dalam tin atau Teh Tarik manis dari gerai mamak. Semua ini boleh dicapai jika kita serius tentang kesihatan kita.

C) Rehat atau tidur

Meskipun setiap orang berbeza, garis panduan umumnya adalah 7 hingga 8 jam waktu tidur yang terbaik untuk badan dan kesihatan kita. Jika anda sukar untuk mendapatkan tidur yang berkualiti, elakkan mengambil minuman berkafein atau alkohol 6 jam sebelum anda tidur. Melihat skrin telefon atau komputer sebelum anda tidur juga telah terbukti mengganggu kitaran tidur yang baik. Oleh itu, jadikan kebiasaan untuk sentiasa meninggalkan kebimbangan anda di luar bilik tidur anda. Selain itu, pasangkan "white noise", aromaterapi, atau ruang bilik yang gelap dan suhu bilik 65 darjah Fahrenheit atau 18.3 darjah Celsius adalah tips yang terbaik untuk mendapatkan tidur yang berkualiti.

05 Menguruskan tekanan

Kebimbangan adalah pembunuh senyap terbesar di dunia. Kebimbangan yang berpanjangan diketahui menyebabkan seseorang jatuh sakit dan mengalami pelbagai penyakit. Ini kerana lebih banyak tekanan yang dihadapi, sistem imun kita mula menjadi lemah dan mendapat penyakit. Perkara ini dikaitkan terus dengan perkara yang boleh kita kawal dan perkara yang tidak boleh kita lakukan. Sebagai peringatan, jangan biarkan perkara yang anda tidak boleh kawal membuatkan anda terjaga pada waktu malam... anda perlu belajar untuk melepaskan "fikiran" atau "kebimbangan" seperti ini. Bersenam adalah cara terbaik untuk menguruskan tekanan kerana ia membantu meningkatkan Endorfin dalam diri kita. Menghabiskan masa dengan orang yang anda sayangi merupakan satu lagi cara terbaik untuk menangani tekanan.

Sesetengah orang mendapati meditasi itu sangat membantu. Manakala orang lain menganggap meluangkan masa menerusi agama itu lebih bermanfaat. Pada peringkat peribadi, belajar untuk memaafkan dan mengasihi orang lain. Jika anda berdendam ia boleh menyebabkan anda tertekan.

Berbeza bagi mereka yang gembira kerana mereka lebih berpeluang untuk menjalani kehidupan yang sihat dan berpanjangan.

Menguruskan tekanan mempunyai kaitan dengan cara kita melihat sesuatu, cara kita bertindak atau memberi tindak balas terhadap situasi harian. Ia adalah tentang mengubah fikiran kita supaya kita boleh bergerak ke hadapan untuk menjadi orang yang lebih baik. Fikiran adalah perkara yang sangat sukar untuk diubah, dan ia mengambil sedikit masa untuk berlaku. Seperti mana-mana latihan lain, kita perlu meneruskannya dan hasilnya kita akan dapat dilihat, pada akhirnya.

Kesimpulannya, teruskan merancang dengan baik pada tahun ini supaya anda boleh membuat perancangan yang lebih baik untuk tahun hadapan. Kami di LBS, sentiasa memastikan kami dapat menjadi yang terbaik. Ini adalah matlamat jangka panjang yang semua orang perlu mengambil bahagian. Anda cuma hidup sekali sahaja. Buat yang terbaik. Jadikan ia kehidupan terbaik anda. **Mulakan sekarang.**



7 tip

untuk melaksanakan azam Tahun Baru anda

Ahh... tahun baru kembali lagi.

Tahun Baru yang bakal tiba akan membuatkan semua orang di seluruh dunia mengambil masa untuk merancang azam tahun baru mereka. Pada dasarnya, ia adalah matlamat atau pun senarai perubahan yang diinginkan di dalam kehidupan mereka, kebiasaannya untuk memperbaiki diri mereka.

Ada yang gagal hampir serta-merta, manakala yang lain mungkin dapat melaksanakan sebahagian dari azam mereka dan ianya dilakukan dalam jangka masa yang singkat. Walaupun begitu, kebanyakan dari mereka akan gagal juga akhirnya.

Jika anda serius untuk mencapai azam Tahun Baru anda, berikut merupakan beberapa petua untuk menjayakan azam anda.





01

Mengambil serius tentang azam anda

Sebarang penetapan azam tahun baru harus diambil serius. Perbezaan di antara kejayaan dan kegagalan adalah : Gagal kerana anda membuat azam tahun baru dengan HARAPAN anda mungkin mencapainya, dan berjaya kerana anda membuat azam tahun baru dengan RANCANGAN untuk mencapainya.

Senarai tanpa perancangan atau keazaman hanya akan membuang masa anda. Luangkan sedikit masa untuk mengenal pasti apa yang perlu dicapai dan bagaimana anda boleh merealisasikan. Jika tidak, adalah lebih baik jika anda juga menghabiskan masa untuk melakukan perkara lain.

Hati dan minda haruslah fokus dan bekerjasama bagi mencapai matlamat anda.

02

keazaman, dedikasi dan disiplin adalah penting

Tiada jalan pintas untuk mencapai kejayaan yang bertahan lama serta tulen. Ramai orang cuba untuk mencapai matlamat dalam masa yang singkat, malah ada yang cuba menipu untuk sampai ke destinasi yang dituju. Tetapi sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh juga ke tanah, dan segala 'kejayaan' mereka ini akan diketepikan disebabkan penipuan mereka. Mereka juga mungkin akan dipenjarakan.

Jadi lakukan dengan betul. Benar, ia mungkin mengambil masa yang lebih lama, tetapi apabila anda berjaya mencapainya, tiada siapa dapat meniadakan kejayaan anda kerana anda telah berjaya memperolehnya dengan cara yang betul. Bersedia untuk melakukannya dengan cara yang jujur untuk mencapai matlamat anda. Penipuan tidak akan membawa anda ke mana-mana.

03

Mempunyai rakan atau kumpulan yang jujur dengan anda

Jelas sekali, kita memerlukan orang dalam hidup kita. Mencapai matlamat kita sendiri tiada beza. Sebuah Peribahasa Afrika mengatakan yang terbaik, "Jika anda inginkan cepat, pergi sendiri. Jika anda ingin pergi jauh, pergilah bersama-sama." Adalah baik untuk melibatkan seseorang dengan resolusi anda. Beri mereka kebenaran/hak untuk mengingatkan anda, memastikan anda berada di landasan yang betul, dan juga memarahi anda. Ingat, anda tidak boleh marah kepada mereka yang menasihati anda.

Kita boleh terganggu, hilang fokus, dan juga hilang motivasi. Anda juga boleh melantik seseorang sebagai seorang "polis" bagi mengawal motivasi untuk terus kekal dengan azam tahun baru anda.

04 **Tetapkan matlamat dalam jangka setahun, tetapi dibahagikan kepada bahagian yang lebih kecil**

Bahagikan resolusi utama kepada matlamat bulanan atau suku tahunan yang lebih kecil. Katakan anda ingin berhenti merokok, jika anda pada masa ini merokok dua kotak sehari, sasarkan untuk merokok hanya satu kotak sehari untuk bulan pertama, dan kemudian pada bulan kedua sasarkan satu kotak seminggu.

Jika anda menyasarkan untuk menjadi pekerja yang lebih baik dalam syarikat anda, duduk bersama orang atasan anda untuk mencatat matlamat bulanan dan suku tahunan. Jika anda bercadang untuk dinaikkan pangkat, ketahui apa yang diperlukan oleh jawatan itu dan kekurangan anda, kemudian rancang untuk mempelajari semua kemahiran yang anda perlukan untuk dinaikkan pangkat dan melakukan tugas itu dengan betul. Mungkin peranan itu memerlukan anda mempelajari bahasa baharu, daftarkan diri anda untuk kelas yang berkaitan. Bertindak secara proaktif bagi perkara ini.



05 **Tetapkan sistem ganjaran untuk setiap pencapaian yang anda capai**

Berikan diri anda ganjaran setiap kali matlamat anda tercapai dalam senarai semakan bulanan atau suku tahunan anda. Ia boleh menjadi sesuatu yang kecil, asalkan ianya adalah sesuatu yang anda boleh nikmati. Bagi mereka yang telah mencapai matlamat dan memerlukan ganjaran yang lebih bagus, mengapa tidak? Mungkin percutian tempatan setiap minggu untuk setiap matlamat bulanan yang tercapai dan hadiah sebanyak RM3000 untuk setiap matlamat suku tahunan yang dicapai?

Lakukan apa sahaja yang bermanfaat untuk anda. Ganjaran anda akan membantu anda fokus dalam mencapai matlamat anda.



06 Jangan berhenti apabila azam tahun baru anda gagal, mulakan semula dengan segera

Akan tiba masanya di mana anda akan menemui kegagalan dalam perjalanan ini. Ini adalah perkara biasa. Tiada siapa yang menang sepanjang masa, dan kita sebenarnya akan belajar lebih banyak dalam kegagalan berbanding apabila kita berjaya.

Walau berapa kali anda gagal, jangan berputus asa dengan azam anda. Jangan putus asa dan beritahu diri anda bahawa akan bermula semula pada 1 Januari tahun hadapan. Bangun segera dan mulakan semula perjalanan anda.

07 Resolusi tahun baru bertujuan untuk menjadikan anda seorang yang lebih baik

Jika sepanjang tahun, anda tidak berubah untuk berada di posisi yang lebih baik sebelum anda bermula... anda mungkin telah menyasarkan sesuatu yang tidak berbaloi untuk dicapai. Tiada apa-apa yang berbaloi untuk mencemar integriti atau watak peribadi anda.

Azam tahun baru seharusnya lebih besar daripada matlamat, ia akan dapat membantu anda untuk berubah menjadi orang yang lebih baik. Berubah menjadi seorang yang baik, sopan dan baik hati yang lebih berintegriti, lebih penyayang dan berbanding semasa anda bermula. Ciri-ciri sebegini akan dapat membantu anda untuk lebih menyumbang kepada keluarga, rakan, syarikat dan negara anda.



LBS FABULOUS

2022-23

Extraaaa





Kempen LBS Fabulous Extra 2022-23

Dilancarkan pada 1 Julai 2022, LBS Fabulous Extra 2022-23 dijangka akan menggemparkan negara. Berikutan kejayaan yang memberangsangkan daripada kempen sebelum ini, kali ini, kami kembali dengan hadiah dan kempen yang lebih besar.

Kempen ini menyediakan hadiah cabutan bertuah serta pelbagai **hadiah untuk dimenangi bernilai RM1.5 juta**, terdiri daripada Perodua Axia 1.0G std (22 unit), Motosikal SM Sports 110R (41 unit), Sony 5.1CH Cinema Home Soundbar (33 unit), Televisyen Panasonic 40" (47 unit), Basikal (46 unit) dan perkakas elektrik rumah. Kempen ini akan berakhir pada 31 Disember 2023.

Istimewa bersempena sambutan Tahun Baru Cina ini, LBS menawarkan hadiah tambahan **HUAT ANG POW Ekstra bernilai lebih daripada RM348,888**, sah dari 1hb Januari 2023 sehingga 28hb Februari 2023. Inilah masa terbaik untuk anda memiliki rumah LBS.

**Insentif tambahan lain di bawah kempen
LBS Fabulous Extra 2022-23 apabila anda
membeli rumah dengan kami:**

- 1 RM200 Yuran tempahan untuk hartanah terpilih**
- 2 Yuran guaman percuma**
- 3 Ganjaran Kesetiaan**
- 4 Skim Bayaran Fleksi**
- 5 Sifar Bayaran Keluar**
- 6 Pakej Perabot**

PEMAKANAN SIHAT UNTUK MATLAMAT KECERGASAN 2023

Ketika penularan wabak, jelas menunjukkan bahawa mereka yang sihat akan sentiasa mempunyai peluang yang lebih baik untuk terus hidup. Rakyat Malaysia dimanjakan dengan pilihan yang berkaitan dengan makanan, kerana realitinya, kita mempunyai beberapa makanan terbaik di dunia. Malangnya, beberapa makanan yang paling lazat turut menjadi makanan yang tidak baik untuk kita.

Terdapat tiga cara berbeza untuk makan. Pertama sekali, seperti kebanyakan rakyat Malaysia, makan apa sahaja yang anda suka. Namun, tabiat ini akan mendorong kepada timbulnya isu kesihatan. Cara kedua, amalkan tabiat pemakanan yang sihat. Segelintir manusia cenderung memilih untuk HANYA makan makanan sihat, dan jujurnya ia mampu mewujudkan rasa bosan dan hidup kelihatan tidak begitu gembira kerana mereka perlu berhati-hati memilih banyak makanan yang sedap dan lazat.

Berikut adalah saranan ketiga, iaitu makan makanan berkhasiat 80% sepanjang masa dan selebihnya 20%, nikmati apa jua hidangan kegemaran anda.



Terdapat beberapa jenis makanan yang perlu **dielakkan:**

01 | MAKANAN TINGGI KANDUNGAN GULA

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai bilangan pesakit diabetes tertinggi di dunia. Malah, terdapat 4 juta rakyat Malaysia menghidap diabetes. Ini boleh dikaitkan dengan semua minuman bergula tinggi seperti soda dalam tin, teh tarik, milo ais, sirap bandung, dan lain-lain. Kemudian terdapat banyak pilihan kuih-muih tempatan yang sarat dengan kandungan gula. Kita juga gemar mengambil jumlah kopi dan teh yang tinggi, tetapi sedarkah kita berapa banyak jumlah kandungan gula di dalam minuman ini? Berhenti mengambil makanan dan minuman bergula tinggi ini.

02 | MAKANAN TINGGI KANDUNGAN GARAM

Makanan yang diproses dan makanan dalam tin mengandungi kandungan garam yang tinggi, kerana ianya digunakan sebagai pengawet semulajadi dan penambah rasa. Beberapa sambal dan serbuk perasa tempatan kegemaran kami mengikut garis pemikiran yang sama, kerana garam meningkatkan rasa. Kerepek kentang, yang dibuat dalam negara dan yang dibungkus dari luar negara... mempunyai kandungan garam yang tinggi. Begitu juga kicap kegemaran isi rumah, terutamanya dengan telur separuh masak. Garam yang berlebihan dalam diet anda boleh menyebabkan tekanan darah tinggi dan penyakit jantung.

03 | MAKANAN TINGGI KARBOHIDRAT PROSES

Rakyat Malaysia amat gemar bersarapan, makan tengahari, minum petang, makan malam dan makan lewat malam. Roti putih, nasi sering dijadikan hidangan utama kerana ianya merupakan makanan ruji bagi rakyat Malaysia. Begitu juga dengan bijirin dan biskut yang turut serta menjadi pilihan. Rasanya amat sedap dan kelihatan tidak membahayakan, walau bagaimana pun elakkan mengambilnya dalam jumlah yang banyak dan hadkan ia seminumum yang mungkin kerana jika diambil secara berlebihan, ianya mendorong kepada penyakit kencing manis dan keradangan.

04 | DAGING DIPROSES

Malangnya, ini adalah antara makanan kegemaran rakyat Malaysia. Ini termasuk pati burger, sosej, makanan tengahari, makanan tin serta makanan segera. Pengambilan daging yang diproses akan meningkatkan kolestrol disamping risiko serangan jantung dan kanser.

05 | MAKANAN BERGORENG

Sekiranya anda menyenaraikan 3 makanan kegemaran, sudah pasti terdapat makanan bergoreng. Adalah tidak dinafikan bahawa antara makanan yang menjadi kegemaran ramai adalah makanan yang digoreng, namun ianya tidak baik untuk kesihatan lebih-lebih lagi apabila minyak untuk menggoreng digunakan beberapa kali. Elakkan!

Selain dari memilih 5 kumpulan makanan di atas, berikut adalah beberapa makanan yang **perlu** anda jadikan pilihan:

01 | MAKANAN HIJAU

Sayur kadangkala merupakan menu yang membosankan, namun begitu khasiatnya amat baik untuk anda. Bayam, brokoli, capsicum dan apa sahaja sayuran berdaun hijau adalah baik. Ianya mengandungi kandungan serat yang tinggi, khasiat yang mampu mendetoksikan tubuh kita.

02 | KEKACANG

Kacang buah pinggang, kacang soya, kacang hijau, kacang merah... semuanya baik. Ianya amat tinggi serat, mineral dan protein.

03 | KACANG DAN BIJIAN

Badam amat kaya dengan vitamin E, dan kekacang adalah kapsul nutrien semula jadi yang turut dijadikan sumber makanan haiwan.

04 | BIJIRIN PENUH

Daripada membeli roti putih, pilih roti dengan bijirin penuh. Barli mudah didapati dan quinoa mengandungi protein dan serat yang tinggi serta alternatif terbaik untuk beras. Multigrain, oat dan oatmeal amat disyorkan.

05 | TELUR

Telur kaya dengan protein, vitamin, mineral, dan lutein. Ia sepenuhnya baik untuk kita, tetapi jangan keterlaluan dan pengambilannya tidak melebihi 2 biji sehari.

06 | IKAN

Ikan kaya dengan protein dan Asid lemak Omega-3 yang mempunyai sifat anti-radang. Ini merupakan pilihan terbaik.



07 | BUAH-BUAH BERRI

Tinggi dengan antioksidan dan serat, ia menambah variasi dan rasa pada diet anda. Juga dikenali sebagai makanan anti-radang.



08 | COKLAT

Sebaik-baiknya yang tinggi 70% kandungan koko adalah tempat yang baik untuk bermula, kerana kebanyakan coklat bar juga tinggi dengan gula. Antioksidan semulajadi terdapat dalam coklat.

09 | MENTEGA KACANG

Ya, benar, mentega kacang mempunyai banyak kebaikan, kaya dan berkrim. Tinggi protein, karbohidrat dan mempunyai sedikit kandungan gula.

10 | MINYAK ZAITUN

Mengandungi lemak 'monounsaturated' yang terbukti dapat mengurangkan risiko penyakit jantung dan kolesterol LDL. Minyak Extra Virgin adalah yang terbaik kerana kaedah memprosesannya.

11 | BUAH-BUAHAN

Buah-buahan tempatan seperti betik dan pisang merupakan sumber serat yang baik.

12 | AIR

Minum sehingga 8 ke 12 gelas sehari. Lebihkan pengambilan semasa bersenam.

Walaupun semua ini harus menjadi sebahagian daripada diet biasa anda, perkara yang perlu diambil perhatian adalah, jangan mengambil secara berlebihan. Semua perkara yang dilakukan secara sederhana adalah kunci kepada kehidupan yang sihat dan bahagia.

Senarai untuk perkara yang *boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan* untuk sambutan Tahun Baru Cina 2023

Hari perayaan Tahun Baru Cina bakal tiba dan bagi Tahun Baru kali ini, ianya merupakan tahun Arnab Air. Mengikut Kalendar Cina, ia bermula dari 22 Januari 2023 dan berakhir pada 9 Februari 2024. Arnab, dalam Zodiak Cina, ialah simbol panjang umur, keamanan dan kemakmuran.

Semasa membaca senarai ini, kita perlu ingat bahawa perkara ini diamalkan pada zaman dahulu dan amalan ini mungkin kelihatan tidak logik bagi sesetengah orang, namun begitu, kita juga perlu faham bahawa ada orang lain yang menganggapnya serius. Setiap orang seharusnya membuat keputusan dalam apa jua yang mereka ingin lakukan tanpa menilai mereka yang tidak berfikir dengan cara yang sama.

Dengan adanya senarai ini, kami percaya bahawa ia sedikit sebanyak akan membantu orang ramai untuk memahami budaya ini dengan lebih baik.

Berikut adalah beberapa perkara yang telah kami senaraikan:

1 Pilihan warna "Ong" untuk tahun Arnab Air

- Merah Jambu
- Ungu
- Merah
- Biru
- Hijau Epal



2

Perkara yang **boleh** dilakukan



- Pastikan anda mempunyai pekot merah yang mencukupi (jika anda sudah berkahwin) – idealnya, ia harus mengandungi wang kertas baru, dan jumlahnya hendaklah merupakan nombor genap, tetapi, elakkan nombor 4 dan 40, kerana nombor ini kedengaran seperti kematian atau mengharapakan kematian pada penerima.
- Memberikan ucapan kepada orang yang anda jumpa – “Kung Hei Fatt Choy” merupakan ucapan yang selalu digunakan. Ucapan kedua paling popular ialah “Sun Tai Keen Hong”. Kedua-duanya boleh digabungkan dan membawa maksud “semoga anda kaya dan sihat”.
- Bersihkan rumah anda sebelum Tahun Baru Cina - secara tradisinya, ini dilakukan dua hari sebelum hari perayaan. Tindakan itu bertujuan untuk melambangkan penyucian dari nasib malang dan menyediakan lebaran baharu yang mengalu-alukan kebaikan.
- Hias rumah dengan angpau dan apa sahaja yang berwarna merah – Merah dikenali sebagai pembawa tuah, kemakmuran dan segala-galanya yang baik.
- Beli dan pakai pakaian baharu – Semua yang dipakai mesti baharu... dan kami maksudkan SEMUANYA. Ia adalah untuk memastikan anda menarik kekayaan pada permulaan tahun baru.
- Dapatkan beberapa pokok Kumquat - secara tradisinya, pokok Kumquat terdapat di dalam pasu kecil dengan buah oren kecil yang sediaada. Ianya melambangkan kemakmuran dan tuah. Ia sepatutnya ada di rumah anda dan sesetengah orang membiasakan diri untuk membawa periuk sebagai hadiah semasa mereka melawat keluarga dan sahabat handai.
- Pemberian oren Mandarin – Sebutan oren Mandarin kedengaran seperti “Emas” justeru pemberian oren itu bermakna mendoakan kekayaan penerima.
- Menerima oren Mandarin – Begitu juga, jangan menolak oren Mandarin di atas sebab yang sama.
- Mercun dan bunga api - Mengikut kepercayaan, semakin kuat dan terang mercun itu, semakin banyak tuah yang akan dibawa. (Semak undang-undang tempatan mengenai mercun dan bunga api, atau polis mungkin datang)
- Makan malam keluarga - Ia bertujuan bagi mengumpul semua orang dari pelbagai lokasi untuk merayakan Tahun Baru bersama-sama. Hidangan yang melambangkan tuah dan kesihatan harus dimakan bersama-sama supaya seluruh ahli keluarga direstui.
- Mempersembahkan korban kepada nenek moyang - Ini adalah untuk menunjukkan rasa hormat dan ketakwaan. Ia juga dipercayai bahawa roh nenek moyang akan melindungi dan memberkati mereka.
- Membawa hadiah semasa melawat – Ia adalah amalan yang baik untuk datang dengan hadiah, tetapi ada sesetengah hadiah yang perlu dielakkan. (Baca di bawah) Jeruk mandarin sentiasa menjadi pilihan yang baik dan selamat, begitu juga dengan biskut.



3

Perkara yang **tidak patut** dilakukan

- Memakai pakaian berwarna putih dan/atau hitam – Memandangkan ini merupakan warna berkabung, memakainya dianggap tidak menghormati dan mempunyai niat jahat terhadap orang yang anda lawati.
- Mencuci rambut anda pada hari pertama Tahun Baru Cina – Abjad Cina untuk rambut adalah serupa dengan "Fatt" dan ini bermaksud membasuh semua rezeki
- Mengambil ubat atau melawat orang di hospital – Hospital dikenali sebagai tempat sakit dan kematian, melawat mereka bermakna anda akan membawa penyakit dan kematian ke rumah anda sepanjang tahun.
- Bercakap tentang atau menyebut perkataan tertentu – Kematian, mati, hantu, sakit, penyakit, miskin, kemiskinan, kehilangan sesuatu... adalah perkataan dan topik yang tidak boleh dibicarakan pada hari pertama, supaya anda tidak menariknya ke rumah anda sepanjang tahun.
- Menangis – Jangan menangis (termasuk kanak-kanak) kerana ia akan membawa pelbagai jenis penderitaan sepanjang tahun.
- Beli kasut baharu semasa Tahun Baru Cina – Sebutan kasut dalam bahasa Cina kedengaran seperti mengeluh, membayangkan rasa kecewa yang akan bertahan sepanjang tahun.
- Beli buku semasa Tahun Baru Cina – Sebutan berbunyi seperti "kalah" atau "kekalahan", yang dipercayai akan dibawa sepanjang tahun.
- Membersihkan rumah atau membuang sampah – Dilarang membersihkan rumah anda, khususnya menyapu sampah, pada hari pertama Tahun Baru Cina kerana ia akan menunjukkan membuang nasib baik.
- Mencuci pakaian – Ini harus dielakkan pada dua hari pertama Tahun Baru Cina, kerana cara sebutan air adalah sama dengan wang. Menggunakan air yang berlebihan adalah sama dengan membuang wang.
- Makan bubur sebagai hidangan pertama anda di Tahun Baru Cina – Bubur dikatakan mewakili makanan untuk golongan miskin, memakannya bermakna anda akan menjadi miskin sepanjang tahun.
- Memecahkan pinggan mangkuk – Ini bermaksud, ia akan membawa kerugian dan menyebabkan perpecahan dalam keluarga.
- Menggunakan pisau atau gunting – Ini dikatakan membawa kepada pertenggaran dan tanda kehilangan kekayaan.
- Meminjam atau meminjam wang – Dipercayai membawa nasib malang kepada sesiapa yang berbuat demikian. (Atau ia direka agar orang yang berjudi tidak meminta wang.)
- Membunuh haiwan – Menumpahkan darah pada 15 hari Tahun Baru Cina dipercayai membawa bencana.



4

Hadiah yang perlu dielakkan

(terutama semasa Tahun Baru Cina, tetapi boleh juga diguna pakai sepanjang tahun)

- Dompet – Ia sama seperti memberikan kekayaan anda.
- Sapu tangan dan payung – Ia diambil sebagai tanda bahawa orang akan pergi dan berpisah selama-lamanya. Sama seperti payung, tetapi tidak serius seperti sapu tangan.
- Anak patung – Terutamanya yang dibuat dengan kain, kerana ia dikatakan dapat menarik roh jahat.
- Pisau – Ia bermaksud memutuskan hubungan di antara kedua-dua pihak.
- Lilin beraroma – kerana lilin digunakan semasa pengebumian dan persembahan kepada orang mati, ia harus dielakkan.
- Cermin – Ia dipercayai dapat menarik roh jahat.
- Bunga – Adalah dipercayai ia sering digunakan dalam pengebumian, dan akan menarik nasib malang. Ini adalah benar terutamanya untuk Bunga Kekwa kuning dan bunga putih.
- Jam atau jam tangan – Perkataan Cina untuk "memberi jam" bunyinya serupa dengan "Menghadiri pengebumian", oleh itu ia harus dielakkan, kerana ia membawa nasib malang.
- Topi – Mereka melambangkan kesedihan dan kekecewaan. Terutamanya topi hijau, yang bermaksud isteri atau teman wanita tidak setia kepada lelaki itu.
- Buah pir – Ia membawa maksud perpisahan dan akan membawa nasib malang.

Promosi Makanan



Percutian peribadi atau bersama keluarga harus dijadikan agenda hujung tahun atau sebagai permulaan yang baik untuk menyambut tahun baru yang bakal tiba. Antara cara yang lebih baik untuk melakukannya adalah dengan meluangkan masa bersantai di Scares Hotel Genting Highlands. Terletak di kawasan kehijauan yang damai serta betul-betul berada di destinasi percutian kegemaran Malaysia, Scares Hotel adalah tempat yang sesuai untuk berehat di samping memanjakan diri anda. Dengan pelbagai bilik dan suite bertema unik, hotel ini pastinya menawarkan sesuatu yang sesuai untuk anda.

Tambahan pula, Chef Ashar telah menyediakan menu istimewa pada suku pertama 2023 di Lemon3 dan Poolside yang pastinya memenuhi citarasa dan selera anda. Kini biarlah gambar berbicara dan ianya pasti membantu mengubah fikiran anda.

Sebaik sahaja berita ini diwar-warkan, pasti ramai yang akan meluru ke Hotel Scares, jadi lakukan tempahan lebih awal... seperti, sekarang. Layari www.scareshotel.com atau enquiry@scareshotel.com. Atau, sebagai alternatif, anda boleh menghubungi +60 3 6106 0833 atau +60 3 7866 1745 (pejabat korporat).



JANUARI 2023

LEMON3

1. Semi Buffet Hi-tea Tahun Baru

RM68 nett seorang

Hidangan tempatan dan antarabangsa semi buffet hi- tea dengan hidangan utama istimewa

1 Jan 2023 (Ahad) – 12.30pm hingga 3.30pm

2. Snek Ringkas Tengahari

RM38 nett (Set untuk 2 pax)

Pilihan snek tempatan dan antarabangsa dengan minuman panas

Jumaat dan Sabtu – 2pm hingga 6pm

3. Set Makan Malam Keluarga Tahun Baru Cina (7 Hidangan)

RM1000 nett semeja / 8 pax

Setiap hari dari 12 hingga 31 Jan 2023

POOLSIDE CAFE

1. Kiosk Sandwich

RM15 nett seorang

Pilihan sandwich anda dengan inti dan roti terpilih

12pm hingga 6pm



FEBRUARI 2023

LEMON3

1. Asam Pedas Jenahak

RM35 nett seorang

Stail A' la carte

- dihidang bersama nasi putih

dari 12pm hingga 9.30pm

2. Snek Ringkas Tengahari

RM38 nett (Set untuk 2 pax)

Pilihan snek tempatan dan antarabangsa dengan minuman panas

Jumaat dan Sabtu – 2pm hingga 6pm

POOLSIDE CAFE

1. Set Makan Malam Valentine

RM300 nett (pasangan)

11 hingga 14 Feb 2023 – 7pm hingga 10pm

2. Kiosk Sandwich

RM15 nett seorang

Pilihan sandwich anda dengan inti dan roti terpilih

12pm hingga 6pm



MAC 2023

LEMON3

1. Pelancaran Menu Baru A'la Carte

Dari 12.00pm hingga 9.30pm

2. Asam Pedas Jenahak

RM35 nett seorang

Stail A' la carte

- dihidangkan bersama nasi putih kukus

dari 12pm hingga 9.30pm

3. Snek Ringkas Tengahari

RM38 nett (Set untuk 2 pax)

Pilihan snek tempatan dan antarabangsa dengan minuman panas

Jumaat dan Sabtu – 2pm hingga 6pm

POOLSIDE CAFE

1. Kiosk Sandwich

RM15 nett seorang

Pilihan sandwich anda dengan inti dan roti terpilih

12pm hingga 6pm



KELESTARIAN DALAM KEHIDUPAN

Apabila kita menyedari bahawa kita semua menetap di bumi yang sama, kita mula memahami bahawa setiap perkara menyumbang ke arah kesejahteraan kehidupan di muka bumi ini. Seruan global untuk kemampanan adalah tepat pada masanya kerana kita seharusnya menggunakan sumber asli kita secara bertanggungjawab di mana ianya akan memberi impak yang berkekalan dan positif.

Mencari bahan bacaan yang berkaitan '7 R Sustainability' merupakan langkah yang bijak, tetapi bagaimana kita harus melaksanakannya setiap hari? Apabila anda melalui tujuh perkara, anda akan menyedari ia adalah proses pemikiran yang bermula dari titik 1, dan seterusnya ia akan membawa anda ke titik 2 dan selanjutnya.

Berikut adalah '7 R' yang harus diberi perhatian:



01 - RETHINK (FIKIR SEMULA)

Ini merupakan langkah kritikal pertama dan soalan yang betul kepada diri sendiri iaitu "Adakah saya memerlukannya?". Sebagai manusia biasa, kita mempunyai tingkah laku tertentu dan kadangkala perlu diubah sekiranya kita berhasrat untuk menjadikan kemampanan satu realiti dalam kehidupan kita.

Perkataan kepenggunaan muncul di fikiran dan pakaian merupakan kategori yang paling mudah dijadikan contoh. Berapa banyak pakaian yang kita ada dan berapa banyak yang sebenarnya kita perlukan? Dan kita tetap membeli pakaian baharu walaupun yang sedia ada di dalam almari sudah lebih daripada mencukupi. Kenapa? Hakikatnya, kita amat gemar membeli-belah, gemar berpenampilan menarik kerana ianya mengundang keselesaan dan rasa positif di dalam penampilan diri.

Kita turut dipengaruhi oleh pemasaran, pengiklanan, jualan, trend dan fesyen semasa; semua ini mendorong kita untuk terus membeli barang yang tidak kita perlukan. Kita tidak merasa puas, dan merasa bosan oleh itu mencari alasan untuk membeli barangan baru. Ini merupakan kitaran yang tidak sihat bagi bumi ini untuk bertahan selama-lamanya. Statistik menunjukkan bahawa sehingga 10% daripada pengeluaran karbon dioksida global adalah daripada industri fesyen. Ingat untuk

bertanya kepada diri sendiri "Adakah saya memerlukannya?" tentang setiap barangan yang perlu anda beli mulai hari ini dan akan datang, kerana kita perlu sedar realitinya kita perlu berubah.

"Adakah saya perlu membeli telefon, TV atau kereta baharu itu? Jika semuanya berfungsi dengan baik, mengapa saya memerlukan yang baharu?"

"Adakah saya memerlukan bekas plastik dan beg kedai? Mengapa saya tidak boleh membawa bekas makanan saya sendiri dan beg boleh guna semula?"

"Adakah saya memerlukan cawan plastik daripada francais kopi kegemaran saya? Mengapa saya tidak boleh membawa cawan saya sendiri?"

"Adakah saya perlu membuat perjalanan harian ke kedai runcit atau pusat membeli-belah? Mengapa saya tidak membuat senarai dan pergi setiap dua minggu sekali?"

Kuncinya ialah bertanya soalan yang betul. Ia bukan lagi alasan untuk melakukan sesuatu hanya kerana ia adalah perkara yang sering kita lakukan.

02 - REFUSE (MENOLAK)

Kita perlu belajar untuk mengatakan "tidak" kepada perkara-perkara yang tidak diperlukan. Kata mudahnya adalah, selagi kita memiliki sesuatu, ia adalah penggunaan dan setiap produk hadir dengan jejak karbon. Belajar untuk mengatakan "tidak" kerana ia melibatkan proses luaran dan dalaman.

Dari segi perspektif luaran mengatakan "tidak" kepada semua jualan, tawaran mahupun sebarang perkara yang percuma yang tidak kita perlukan. Manakala secara dalaman pula, kita perlu keluar dari zon selesa yang mempunyai pelbagai kemudahan. Adakah boleh untuk saya berjalan kaki ke kedai tanpa memandu? Bolehkah saya pergi ke pasar basah dan mengambil buah-buahan dan barangan yang belum dibungkus, dan tidak mengambil bungkusan elok yang telah dibungkuskan oleh pasaraya?

Anda harus cuba untuk menolak daripada membenarkan keselesaan atau perasaan malas menghalang anda daripada berpeluh untuk berjalan atau berbasikal ke kedai.





03 - REDUCE (KURANGKAN)

Langkah untuk melakukan pengurangan memberi makna bahawa kita perlu belajar untuk hidup dengan lebih bersederhana. Bagaimana untuk membeli dengan sederhana? Bagaimana sekiranya kita menggunakan sesuatu dengan berjimat? Adakah terdapat pembaziran dalam cara hidup kita? Adakah kita membeli terlalu banyak makanan sehingga makanan tersebut luput? Adakah kita terlalu banyak memasak dan membuang sisa baki makanan? Adakah kita mengajar anak kita untuk menghabiskan semua makanan mereka?

Adakah kita membiarkan air mengalir ketika kita memberus gigi? Bolehkah kita membuat pilihan kepada jumlah air yang dikeluarkan oleh mesin basuh sewaktu membilas pakaian? Adakah kita membasuh tiga helai pakaian sahaja dengan jumlah air yang penuh dan tidak menetapkan kepada separuh sahaja?

Adakah kita membiarkan TV, lampu, kipas dan penghawa dingin berfungsi apabila tiada sesiapa di dalam bilik? Adakah kita membuka pintu peti sejuk setiap jam kerana tabiat buruk sendiri? Adakah kita memandu keluar ke kedai hanya untuk membeli satu barang? Adakah kita keluar untuk temu janji awal supaya kita tidak perlu memandu kereta dengan kuat dan laju, sekaligus menggunakan lebih minyak? Adakah kita menggunakan mentol lampu yang mempunyai penjimatan tenaga untuk seluruh isi rumah?

Kita hidup dalam dunia yang mempunyai segalanya dan telah terbiasa dengan keadaan ini sehingga kita langsung tidak memikirkan jumlah pembaziran yang timbul. Belajar untuk hidup lebih bersederhana dengan sentiasa mempersoalkan pilihan kita.

04 - REUSE (GUNA SEMULA)

Salah satu isu terbesar pada hari ini adalah kita banyak membeli belah secara dalam talian. Berikutan pandemik yang berlaku, kita juga membeli makanan secara dalam talian. Bahan buangan berlebihan kebanyakannya dalam bentuk bekas dan beg bagi kegunaan sekali sahaja.

Sebahagian daripada barangan ini dapat kita gunakan semula, terutamanya bekas makanan plastik. Akan tetapi seluruh almari anda akan penuh dengan bekas ini? Mungkin sudah tiba masanya untuk anda pergi makan di kedai dan mengurangkan untuk membungkus sisa makanan.

Kaedah pertama yang boleh kita gunakan semula adalah dengan memberikan apa yang tidak gunakan lagi. Elakkan untuk membuang sesuatu yang masih berfungsi dengan baik ke dalam tong sampah kerana apa yang anda tidak mahu mungkin menjadi perkara yang sangat diperlukan oleh orang lain. Kaedah kedua adalah untuk menjualnya secara dalam talian atau kepada sesiapa sahaja yang mencarinya. Di samping itu, terdapat perniagaan yang turut berkembang maju hasil daripada jualan barangan terpakai. Oleh itu, kita sebenarnya boleh menyelamatkan alam sekitar dan mendapat pulangan wang pada masa yang sama.

05 - REPAIR (MEMBAIKI)

Kita hidup pada zaman yang cukup dari segala segi, disebabkan itu kita cenderung untuk membuang barang. Contoh yang baik adalah telefon bimbit dan komputer riba yang dibuang atau dinaik taraf serta-merta apabila ia mula menunjukkan tanda-tanda tidak berfungsi dengan baik. Ini jelas menunjukkan pembaziran terhadap barangan. Anda sepatutnya membaiki barangan tersebut terlebih dulu, dan ia adalah semudah itu. Jika kerosakan tersebut merupakan kerosakan yang boleh andabaiki, lakukannya. Namun, jika tidak, hubungi mereka yang profesional untuk membantu anda.

Akan tetapi, ya adakalanya membaiki sesuatu barangan itu hanya memberikan penyelesaian

yang sementara kerana ia akan rosak semula, dan ada sesetengah kos untuk membaiki barangan menelan kos yang sangat tinggi berbanding harga baharu. Bagi kes seperti ini, anda mungkin perlu menggantikannya dengan barangan yang baharu.

Pakaian juga dapat dibaiki. Sekiranya terdapat koyakan atau lubang ia bukanlah pengakhiran kepada hayat pakaian tersebut. Mengapa anda perlu membuang seluar jeans yang telah anda pakai bertahun-tahun sedangkan anda boleh menampalnya? Perkara yang sama juga dibincangkan mengenai kasut yang boleh "diganti" dengan tapak baharu oleh tukang kasut tempatan di sekitar anda. Jika ia boleh dibaiki, lakukannya.

06 - REPURPOSE (GUNA SEMULA)

Penggunaan semula barangan terpakai bermaksud kita mengolah barangan tersebut menjadi perkara yang boleh kita gunakan semula. Balang kaca lama sangat bagus untuk penyimpanan makanan atau perasa makanan. Begitu juga untuk berus gigi lama. Ia boleh digunakan sebagai berus pembersih. Jika anda merupakan seorang yang kreatif, anda juga boleh menukar botol menjadi sebuah lampu. Kreativiti barang kitar semula adalah sangat luas, anda dapat menukar barang terbuang atau yang tidak terpakai untuk dijadikan sesuatu barangan lain yang menarik serta berguna.

Tayar kereta lama juga merupakan salah satu barangan terbuang yang boleh digunakan sebagai "pasu" untuk tumbuhan jika anda mempunyai taman. Tiub daripada basikal juga

sangat bagus untuk digunakan sebagai cengkaman untuk sebarang barangan dan juga boleh digunakan untuk menyerap getaran. Tayar basikal lama pula boleh dicantum untuk membuat beg. Cebisan kain atau kulit juga boleh digunakan dengan cara yang sama. Beg kertas berkualiti turut boleh digunakan semula sehingga koyak atau ia pecah. Beg yang boleh ditutup semula hendaklah dibasuh kerana ia boleh digunakan semula. Malah kulit telur juga boleh dibersihkan, disanitasi dan dikisar sebagai suplemen kalsium.

Perkara lain yang perlu dipertimbangkan adalah "memberi hadiah semula", bermaksud memberikan hadiah yang anda tidak gunakan kepada orang lain yang menggunakannya.

07 - RECYCLE (KITAR SEMULA)

Istilah yang sering digunakan secara khusus iaitu kitar semula membawa maksud mengubah sesuatu yang digunakan kembali kepada keadaan asalnya sebagai bahan mentah. Cara paling mudah untuk kita melakukan ini adalah untuk mengasingkan sampah kita mengikut kategori dan memasukkannya ke dalam tong kitar semula. Kita harus mempunyai tong untuk kaca, kertas, logam, elektronik, bahan makanan mudah rosak, plastik dan lain-lain. Ini membolehkan kilang dan pengusaha perniagaan berpeluang untuk mengubah produk buangan ini kembali kepada keadaan asal dan kemudiannya digunakan untuk membuat sesuatu yang baharu.



Kesimpulannya: Jujurnya, banyak perkara yang boleh kita lakukan dalam kehidupan seharian kita untuk mencapai keadaan "sifar pembaziran". Ingat, kuncinya adalah untuk bertanya kepada diri sendiri soalan yang tepat...mulakan dengan "Adakah saya merasa susah untuk memulakannya?" kami berharap jawapannya adalah "ya", dan kemudian kita boleh melakukannya bersama-sama.

PRESTIGE

-RESIDENCE-

Seri Kembangan dikenali sebagai kawasan idaman ramai, dengan pembangunan yang pesat membangun secara konsisten dan terancang. Ia merupakan kawasan kejiranan yang mengalami pertumbuhan dengan pesat.

Terletak berdekatan dengan Hutan Simpan Ayer Hitam, ia memberikan penduduk di kawasan sekeliling dengan suasana kehijauan dan udara yang segar. Prestige Residence juga terletak berhampiran kawasan kejiranan yang matang dan bandar yang sedang pesat membangun. Selain itu, terdapat pelbagai lokasi menarik seperti Taman Rekreasi Taman Puncak Jalil, Kelab Golf Kinrara dan Bukit Jalil Golf & Country Resort, yang hanya memerlukan jarak pemanduan singkat, menjadikan Prestige Residence sebagai pilihan rumah yang terbaik.

Ini adalah di antara sebab untuk anda membeli hartanah di Seri Kembangan. Terletak di atas

tanah seluas 8 ekar, dengan konfigurasi pangsapuri servis yang hadir dengan tiga susun atur berbeza; Jenis A - 600sqft (RM270,000), Jenis B - 800sqft (dari RM440,900) dan Jenis C - 850sqft (dari RM466,900). Sasaran demografi yang sebahagian besarnya mensasarkan pasaran masyarakat Cina dan Melayu di dalam julat pendapatan dari skala sederhana rendah hingga sederhana.

Rumah ini sangat sesuai untuk golongan profesional muda yang ingin memiliki rumah pertama mereka. Dan, Prestige Residence juga sesuai untuk mereka yang baru berkeluarga dengan anak kecil, atau untuk mereka yang dibesarkan di kawasan berdekatan dan menginginkan kediaman yang berhampiran dengan kediaman ibu bapa mereka.





Dikatakan sebagai "mampu milik bergaya", dengan reka bentuk moden, ia dilengkapi dengan susun atur praktikal untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu dari generasi WFH/Belajar dari rumah, dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Anda boleh melakukan kerja yang terbaik dan juga melakukan aktiviti di Prestige Residence. Ia dilengkapi dengan 40 kemudahan lengkap untuk setiap spektrum umur; seperti kolam renang untuk dewasa dan kanak-kanak, gimnasium, gelanggang bola keranjang, takraw, futsal dan badminton; bilik permainan, gim dan taman permainan kanak-kanak, taman refleksologi untuk mereka yang berumur, pelbagai taman landskap untuk mereka yang memerlukan masa untuk bersendirian, ruang untuk keluarga dan rakan-rakan untuk berkumpul, BBQ dan kawasan berkelah, dan juga rumah kelab 2 tingkat yang menyediakan ruang peribadi yang selesa untuk sebarang majlis.

Akses yang sangat baik dengan pelbagai laluan berbeza bagi kemudahan keluar masuk melalui MEX, NSE, Lebuhraya BESRAYA, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban dan Lebuhraya LDP, juga terdapat pengangkutan awam seperti stesen Bas Putra Permai, dan akan datang stesen MRT Taman Putra Permai dan Equine Park.

Terletak berdekatan dengan pelbagai institusi pendidikan seperti: SJK (C) Bukit Serdang, SK & SMK Taman Desaminium, SMK Bandar Puncak Jalil, Alice Smith School, Sekolah Antarabangsa Swasta Rafflesia, dan Universiti Putra Malaysia; manakala pusat membeli belah dan pusat jualan barangan runcit boleh didapati di Seri Kembangan di Mydin Puncak Jalil, AEON Mall Taman Equine, GIANT Seri Kembangan, Pusat Beli Belah the Mines dan IOI City Mall. Dan paling penting, tiada kekurangan dalam kemudahan penjagaan kesihatan kerana kawasan ini juga terletak berhampiran dengan Hospital Serdang, Hospital Putrajaya, dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Andorra.

Terdapat beberapa kawasan berdekatan dengan Seri Kembangan, anda akan melihat perbandaran matang seperti Taman Equine, Puncak Jalil dan Pusat Bandar Putra Permai (juga dikenali sebagai Puchong South), Puchong, Bukit Jalil, Putrajaya dan Serdang; sekadar memastikan masa hadapan alamat di Seri Kembangan kekal relevan.

Akhir kata, Prestige Residence dikelilingi oleh pelbagai kehijauan dan hutan simpan, dan ianya merupakan sesuatu yang ideal untuk memiliki hartanah di kawasan kejiranan yang sudah matang. Dengan harga yang sangat menarik serta lokasi yang baik, projek ini amat sesuai dijadikan kawasan kediaman. Ia adalah hartanah berpagar dan berkawal, lengkap dengan CCTV, dengan penambahan ciri keselamatan seperti kad akses melalui pondok pengawal dan lobi lif, termasuk rondaan berparameter.

Prestige Residence sesuai digelar sebagai rumah idaman anda.



IDAMAN

M E L U R

SOLUSI PEMILIKAN KEDIAMAN TERUNGKUL

Sebagai sebuah negara yang menuju ke arah kemajuan, Malaysia terus pesat membangun dan berkembang. Oleh itu, lebih banyak penawaran bagi pilihan rumah mampu milik perlu disediakan untuk orang ramai. Sehubungan dengan itu, Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor di bawah seliaan Menteri Besar Selangor (MBI) dengan kerjasama MGB Berhad (anak syarikat LBS Bina Group Berhad), mewujudkan Projek Rumah IDAMAN MBI yang dikenali sebagai Idaman Melur.

Idaman Melur terletak di Cybersouth, Sepang dan terdiri daripada dua blok pangsapuri 23 tingkat yang meliputi kawasan seluas 12.07 ekar dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM414 juta. Projek pangsapuri bertingkat tinggi itu terdiri daripada 3 reka

bentuk dengan harga bermula dari RM250,000 dan RM288,800.

Dengan jumlah 1,448 unit yang dilengkapi dengan penghawa dingin, peti sejuk, almari pakaian, kabinet dapur, televisyen, kabinet televisyen dan pemanas air; unit-unit ini mempunyai keluasan binaan 1,000 dan 1,022 dengan 3 bilik tidur, 2 bilik mandi. Selain itu, setiap unit turut dilengkapi dengan dua tempat letak kereta dari 6 tingkat yang disediakan khusus untuk parkir.

Lokasi strategik Rumah Idaman Melur di Cybersouth, dengan harga berpatutan dan kemasan separuh perabot di setiap unit telah menjadi tarikan utama pembeli hartanah dan sesuai bagi mereka yang berpendapatan rendah hingga sederhana serta pembeli rumah kali pertama di Selangor.



Idaman Melur juga mudah diakses melalui pelbagai lebuh raya utama seperti MEX, SKVE, ELITE, PLUS dan Lebuh raya Putrajaya-Cyberjaya. Berada di tengah-tengah antara perbandaran membangun – Cyberjaya dan Putrajaya merupakan satu kelebihan kerana Idaman Melur berdekatan dengan institusi pendidikan terkenal seperti Universiti Heriot – Watt, SMK Dengkil, Universiti Multimedia (MMU), Dpulze Shopping Centre, dan Hospital Putrajaya; semuanya berada di lingkungan radius 10km.

Berhampiran dengan kawasan ini juga terdapat beberapa buah institusi pendidikan seperti Universiti Xiamen, Sekolah Seri Puteri, Universiti Lim Kok Wing, AEON Big Putrajaya, Pusat Beli-belah Alamanda, IOI City Mall, Mitsui Outlet Park dan Hospital Serdang. Pengangkutan awam juga tersedia seperti MRT Laluan Putrajaya, KLIA Transit dan KLIA Ekspres.



Idaman Melur merupakan pelaburan yang berfaedah berbanding lain-lain hartanah berhampiran yang berganda kosnya. Ia juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan dikelilingi oleh kehijauan alam semula jadi untuk gaya hidup yang damai dan tenang. Kemudahan yang dinyatakan di atas ialah taman permainan, gelanggang futsal, gelanggang separuh bola keranjang, gelanggang takraw, lot kedai, pejabat pengurusan, Tadika, dewan serbaguna, surau dan tandas.

Sebagai kediaman berpagar dan berpengawal, ia juga telah menambah ciri keselamatan seperti penggunaan kad akses untuk melalui pengawal dan liputan CCTV di lokasi tertentu. Idaman Melur adalah pilihan yang mudah untuk sesiapa sahaja yang mencari rumah mampu milik yang terbaik di Selangor; terima kasih kepada PNSB, MBI dan MGB.

Acara LBS dan LBS Foundation



24 Ogos 2022

LBS Bina Group Raih Pelbagai Pencapaian Di Anugerah Starproperty 2022

Pemaju-pemaju hartanah berprestij negara telah berkumpul di Anugerah StarProperty 2022 bagi menerima pengiktirafan pencapaian mereka di dalam industri pembangunan hartanah. LBS Bina Group telah berjaya memenangi pelbagai pencapaian dalam industri hartanah sekaligus membuktikan bahawa strategi dan portfolio berbeza di dalam pembangunan hartanah.



26 Ogos 2022

LBS Bina Group Terima Anugerah 10 Pemaju Terbaik

LBS Bina Group Berhad telah membawa pulang satu lagi kemenangan untuk Anugerah 10 Pemaju Terbaik 2022 di Anugerah BCI Asia (BCIAA), yang mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada pemaju di seluruh Asia Tenggara.

Kedudukan 10 teratas BCI Asia bagi pemaju tahun 2022 telah dirangka untuk mempamerkan gambaran antarabangsa melalui sumbangan mereka menerusi seni bina yang mampan dalam tujuh pasaran serantau di seluruh Asia.



26 Ogos 2022

Kempen LBS Fabulous Extra 2022-23 Kembali Dengan Lebih Banyak Hadiah Menarik Yang Mengujakan

Terbukti menerusi kejayaan yang memberangsangkan melalui kempen lalu, LBS Fabulous kembali dengan kempen cabutan bertuah LBS Fabulous Extra 2022-23. Hadiah bernilai RM1.5 juta untuk dimenangi. Pelbagai hadiah seperti kereta EKSTRA, motosikal EKSTRA, dan banyak lagi untuk pembeli bertuah yang membeli hartanah LBS lebih daripada RM300,000.00 bermula daripada 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2023! Sertai pelancaran rasmi kami dan anda berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah istimewa!



5 September 2022

Penghantaran Kuih Bulan Kepada Media Serikan Perayaan Pertengahan Musim Luruh

Unit PR & Media LBS telah mengambil inisiatif untuk memberikan kuih bulan sempena perayaan Pertengahan Musim Luruh sebagai tanda penghargaan kepada semua Media yang terus setia bersama Kumpulan LBS Bina.



7 September 2022

LBS Diiktiraf Sebagai Salah Sebuah Syarikat Pengurusan Terbaik Di Malaysia Oleh Deloitte

LBS Bina Group Berhad dengan sukacitanya mengumumkan bahawa LBS telah dipilih sebagai penerima "Anugerah Syarikat Pengurusan Terbaik (Malaysia) 2022" oleh firma perunding global terkemuka Deloitte.

Anugerah Syarikat Pengurusan Terbaik Deloitte merupakan sebuah program anugerah perniagaan yang terkemuka dan telah dianjurkan di lebih 37 buah negara sejak 1993. Ia mengiktiraf syarikat tempatan milik persendirian (termasuk entiti yang tersenarai dengan saham majoriti yang dipegang secara persendirian) di atas kecemerlangan organisasi dan sumbangan mereka kepada ekonomi.



18 Oktober 2022

LBS Diiktiraf Sebagai 10 Pemaju Terbaik Dalam Industri Hartanah Di Anugerah Pemaju Perumahan Malaysia 2022

Sukacita dimaklumkan bahawa LBS Bina Group Berhad telah terpilih sebagai salah sebuah syarikat 10 Pemaju Terbaik di Anugerah Pemaju Perumahan Malaysia 2022 (MDA 2022) (kategori bawah RM1 bilion).

Anugerah Pemaju Perumahan Malaysia merupakan kerjasama di antara Kumpulan Media Star dan FIABCI - Malaysia. Dengan matlamat untuk menjadi kayu pengukur kecemerlangan bagi pemaju hartanah, anugerah ini juga merupakan satu pendedahan dan peningkatan bagi syarikat-syarikat di peringkat antarabangsa di samping terus mengukuhkan industri hartanah Malaysia di arena global.



3 Oktober 2022

Misi Mencari Harta Karun Amal Kiwanis Kali Ke-39

LBS Foundation, selaku sayap tanggungjawab sosial korporat untuk LBS Bina Group Berhad (LBS) telah memberi sumbangan dan menyertai Misi Mencari Harta Karun Amal Kiwanis 2022 di Johor. Misi mencari harta karun ini, terilham dengan aspirasi untuk menyediakan kemudahan yang menyeluruh bagi komuniti terpilih, dianjurkan dari 1hb sehingga 3hb Oktober 2022, ia mengumpulkan segenap lapisan masyarakat di samping mengutip dana melalui pengembaraan yang menarik.



21 Oktober 2022

Kempen Kesedaran Kanser Payudara

Bulan Oktober merupakan Bulan Kesedaran Kanser Payudara. Bersempena dengan bulan ini, pekerja Syarikat LBS Bina telah memakai pakaian berwarna merah jambu untuk menunjukkan sokongan mereka di samping memberi semangat yang berterusan kepada mereka yang terselamat dan mengingatkan mereka yang pergi akibat daripada penyakit itu dan juga menyokong kesedaran tentang inisiatif advokasi penyakit kanser.



29 Oktober 2022

Pelancaran Projek Idaman Melur

Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) dengan kerjasama MGB Berhad (anak syarikat LBS Bina Group Berhad), penyedia solusi perkhidmatan pembinaan dan pembangunan hartanah, hari ini mengadakan majlis pelancaran projek Idaman Melur, salah satu daripada enam projek Rumah Idaman MBI di Galeri Jualan KITA @ Cybersouth.

Tan Sri Lim Hock San – Event and activities

August – October 2022

AUGUST



27th August 2022

Malaysian Fujian Exemplary Leaders & Outstanding Entrepreneurs Awards

The 'Malaysian Fujian Exemplary Leaders & Outstanding Entrepreneurs Awards' was organized by The Federation of Hokkien Associations of Malaysia in conjunction with their 65th Anniversary, and the award ceremony was graced by the Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

A total of 10 Hokkien recipients, with outstanding achievements in various fields, were honoured.

SEPTEMBER



9th September 2022

Minister of Finance's Book Launch

LBS Executive Chairman, Tan Sri Lim Hock San was invited to attend the Minister of Finance's book launching ceremony. The Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, the Sultan of Selangor, the Regent of Pahang, and the Crown Prince of Selangor were also present at the launch.



24th September 2022

The Federation of Hokkien Associations of Malaysia Annual Conference

Tan Sri Lim Hock San, President of The Federation of Hokkien Associations of Malaysia (FHAM), graced the opening ceremony of FHAM 19th First Annual conference of the Youth League, and the 11th First Annual Conference of the Women Division.



24th September 2022

The Federation of Hokkien Associations of Malaysia 65th anniversary

Tan Sri Lim Hock San, President of The Federation of Hokkien Associations of Malaysia (FHAM) and his wife, Puan Sri Karen Lim attended FHAM's 65th Anniversary Gala Dinner. The guests gathered at a grand banquet to celebrate the occasion.



1st October 2022

The Federation of Malaysia Lim Associations 40th Anniversary

Tan Sri Lim Hock San, President of The Federation of Malaysia Lim Associations, attended the 40th Anniversary of the association's establishment at the Fairy Park. In conjunction with the celebration, the Association signed the contract for, and held the ground-breaking ceremony of, the Lim Ancestral Hall.



10th October 2022

China's Fujian Province Online Interaction

Tan Sri Lim Hock San, President of The Federation of Malaysia Lim Associations conducted an online meeting with Minister of United Front Work Department of China's Fujian Province.



12th October 2022

Dinner Meeting with Dato' Seri Mohamed Azmin Ali

LBS Executive Chairman, Tan Sri Lim Hock San had a dinner meeting with the Senior Minister of International Trade and Industry, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali and leaders of major local companies.



26th October 2022

Inspection of Vietnam Construction Projects

LBS Executive Chairman, Tan Sri Lim Hock San visited Vietnam for the inspection of two construction projects under China Construction (Southeast Asia) Co., Ltd.

BE THE FIRST 100 READERS TO SCAN & WIN AN EXCLUSIVE LBS GIFT



How to participate?

1. Scan the QR code.
2. Answer 3 simple questions.
3. The 1st 100 readers to scan and answer correctly will be entitled to a gift.



mempertingkatkan individu
mengukuhkan komuniti
